



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS VOLUM PERKHIDMATAN, MALAYSIA SUKU TAHUN KEDUA 2024

Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.7 peratus pada suku tahun kedua 2024

PUTRAJAYA, 8 OGOS 2024 – Indeks Volum Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan kukuh 6.7 peratus pada suku tahun kedua 2024 dengan merekodkan 152.2 mata. Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun pula, indeks ini meningkat 1.2 peratus. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini dalam siaran **Indeks Volum Perkhidmatan (2015=100), Suku Tahun Kedua 2024**. Penerbitan ini meliputi empat segmen iaitu segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan; segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan; segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan; dan segmen Perkhidmatan lain.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Prestasi Indeks Volum Perkhidmatan bagi suku tahun ini dipacu oleh pertumbuhan segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan (10.4%), diikuti oleh segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (5.1%),

segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (6.0%) dan segmen Perkhidmatan lain (7.4%).”

Dalam satu kenyataan hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia menerangkan, “Indeks volum bagi segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan meningkat 10.4 peratus dengan mencatatkan 144.7 mata, disumbangkan oleh pertumbuhan Kewangan & insurans (11.4%), Profesional dan Pentadbiran & khidmat sokongan (8.3%) dan Hartanah (11.3%). Sementara itu, Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan mencatatkan indeks volum 152.6 mata dengan pertumbuhan 5.1 peratus. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan Perdagangan borong & runcit (4.9%), Makanan & minuman (4.0%) dan Penginapan (12.4%). Pada masa yang sama, segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan meningkat 6.0 peratus untuk mencatatkan 167.8 mata. Peningkatan ini disumbangkan oleh kenaikan Pengangkutan & penyimpanan (10.5%) dan Maklumat & komunikasi (3.1%). Segmen Perkhidmatan lain tumbuh 7.4 peratus berikutan peningkatan dalam Pendidikan swasta (8.0%), Kesihatan swasta (8.4%) dan Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (5.7%).”

Bagi perbandingan suku tahunan pula, indeks volum Perkhidmatan bagi suku tahun kedua 2024 naik 1.2 peratus. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah bahawa prestasi ini disumbangkan oleh peningkatan segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (1.6%), diikuti oleh segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.8%) dan segmen Perkhidmatan lain (0.9%). Walau bagaimanapun, segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan turun -0.1 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia turut memaklumkan bahawa indeks volum pelarasan musim meningkat 3.9 peratus berbanding suku tahun pertama 2024. Prestasi ini didorong oleh kenaikan dalam segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan (4.9%), segmen Perkhidmatan perniagaan dan Kewangan


(3.3%), segmen Maklumat & komunikasi dan Pengangkutan & penyimpanan (1.9%) dan segmen Perkhidmatan lain (5.7%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my/>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Carta 1: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Tahun ke Tahun



Carta 2: Indeks Volum Perkhidmatan dan Peratus Perubahan Suku Tahun ke Suku Tahun



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

8 OGOS 2024



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

VOLUME INDEX OF SERVICES, MALAYSIA SECOND QUARTER 2024

***Volume Index of Services experienced a robust 6.7 per cent growth in
second quarter 2024***

PUTRAJAYA, AUGUST 8, 2024 – Volume index of Services experienced a robust 6.7 per cent growth in second quarter 2024, recording 152.2 points. For quarter-on-quarter comparison, this index recorded a 1.2 per cent increase. This is reported by Department of Statistics Malaysia (DOSM) in today's release of **Volume Index of Services (2015=100), Second Quarter 2024**. This publication consists of four segments namely Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment; Business services and Finance segment; Information & communication and Transportation & storage segment; and Other services segment.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "The performance of Volume Index of Services for this quarter was attributed to the growth in Business services and Finance segment (10.4%). This was followed by Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (5.1%), Information & communication and Transportation & storage segment (6.0%), and Other services segment (7.4%)."

In a statement today, the Chief Statistician Malaysia explained that, “The volume index for Business services and Finance segment experienced a 10.4 per cent increase to reach 144.7 points, contributed by the growth in Finance & insurance (11.4%), Professional and Administrative & support services (8.3%), and Real Estate (11.3%). Meanwhile, Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment registered a volume index of 152.6 points with a growth of 5.1 per cent. This increase was supported by the growth in Wholesale & retail trade (4.9%), Food & beverage (4.0%) and Accommodation (12.4%). In the same period, Information & communication and Transportation & storage segment rose 6.0 per cent to stand at 167.8 points. This growth was attributed to increases in Transportation & storage (10.5%) and Information & communication (3.1%). Other services segment grew 7.4 per cent, driven by increases in Private education (8.0%), Private health (8.4%), and Arts, entertainment & recreation and Personal services & other activities (5.7%).”

For quarter-on-quarter comparison, volume index of Services had a 1.2 per cent increase in the second quarter 2024. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added that this growth was supported by the increase in Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (1.6%), followed by Information & communication and Transportation & storage segment (1.8%), and Other services segment (0.9%). However, Business services and Finance segment decreased -0.1 per cent.

The Chief Statistician Malaysia also informed that seasonally adjusted volume index increased 3.9 per cent compared to the first quarter 2024. This was resulted by the increase in Wholesale & retail trade, Food & beverage and Accommodation segment (4.9%), Business services and Finance segment (3.3%), Information & communication and Transportation & storage segment (1.9%), and Other services segment (5.7%).

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my/>.

DOSM is conducting the Agriculture Census 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Volume Index of Services and Year-on-Year Percentage Change





Chart 2: Volume Index of Services and Quarter-on-Quarter Percentage Change



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8 AUGUST 2024**